



PEJABAT KETUA PENGARAH  
JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Galeria PjH, Aras 3-5, Jalan P4W,  
Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA



Tel: 03-8891 9000  
Faks: 03-8891 9056  
Laman Web : <http://politeknik.gov.my>  
Facebook : politeknik.edu

Ruj. Kami : KPM.JPP.(A).700-1/2(03)  
Tarikh : 30 Disember 2014

**PENGARAH**  
**Politeknik Malaysia**

YBhg. Dato'/ Tuan

**PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PEMANTAUAN PENGAJARAN &  
PEMBELAJARAN (P&P) POLITEKNIK EDISI 2015**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pengajian Politeknik Bil 17/2014 pada 24 November 2014 telah **MELULUSKAN** Garis Panduan Pemantauan Pengajaran & Pembelajaran Politeknik Edisi 2015 untuk digunapakai berkuatkuasa mulai 2 Januari 2015 di semua Politeknik Malaysia.

3. Sehubungan itu, bagi tujuan pelaksanaan pemantauan P&P pensyarah ini, seorang **Pegawai Pemantau yang dilantik adalah disarankan sebaik-sebaiknya memiliki sekurang-kurangnya satu gred lebih tinggi dari pensyarah yang dipantau.** Ketua Jabatan dalam gred DH48 atau Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) gred DH48 ke atas yang dilantik layak memantau PPPT Gred DH48, DH52 dan DH54. Bagi PPPT gred DH44 dan ke bawah, pemantauan boleh dibuat oleh Ketua Program atau PPPT Kategori I yang dilantik oleh Pengarah/Timbangan Pengarah Akademik/Timbangan Pengarah/Ketua Jabatan. Namum demikian pelaksanaan ini adalah tertakluk kepada budi bicara Pengarah Politeknik masing-masing.

4. Bersama-sama surat ini disertakan garis panduan berkenaan untuk tindakan sewajarnya pihak YBhg. Dato'/tuan. **Dengan edaran garis panduan edisi baharu ini membatalkan garis panduan yang sama bagi sesi 2013.** Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh berhubung terus dengan En Khairul Azha bin Ahmad melalui talian 03-88919351 atau e-mel khairul.azha@moe.gov.my.

Segala kerjasama YBhg. Dato'/tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(LT. KOL (K) DATUK HJ MOHLIS BIN JAAFAR)**

Ketua Pengarah

Jabatan Pengajian Politeknik



# **Garis Panduan Pemantauan Pengajaran Dan Pembelajaran Politeknik Edisi 2015**

**Jabatan Pengajian Politeknik  
Kementerian Pendidikan Malaysia**



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA

© Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, 2015

Hak Cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Garis panduan ini merupakan dokumen rasmi yang diterbitkan oleh Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital yang hanya boleh digunakan untuk Sistem Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja. Pengedaran dan penggunaan diluar Sistem Pengajian Politeknik hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Diterbitkan oleh:

**BAHAGIAN INSTRUKSIONAL DAN PEMBELAJARAN DIGITAL**

**JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK**

Kementerian Pendidikan Malaysia

Aras 4, Galeria PJH, Jalan P4W,

Persiaran Perdana, Presint 4

62100 PUTRAJAYA



## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Glosari	3
1.0 Pendahuluan	5
2.0 Objektif Pemantauan P&P	6
3.0 Skop Pemantauan P&P	6
4.0 Pelaksanaan Pemantauan Proses Pengajaran & Pembelajaran (P&P)	6
5.0 Kaedah Pelaksanaan Pemantauan P&P	7
5.1 Pra Pemantauan	
5.2 Pemantauan	
5.3 Pasca Pemantauan	
6.0 Laporan dan Tindakan Penambahbaikan	8
7.0 Peranan dan Tanggungjawab	8
7.1 Timbalan Pengarah Akademik/Timbalan Pengarah	
7.2 Ketua Jabatan	
7.3 Pegawai Pemantau	
7.4 Pensyarah Yang Dipantau	
8.0 Tarikh kuatkuasa	9
9.0 Dokumen rujukan	9
10.0 Lampiran	
10.1 Lampiran 1A: Instrumen Pemantauan P&P	
10.2 Lampiran 1B: Rubrik Pemantauan P&P	
10.2 Lampiran 2: Instrumen Penilaian Pensyarah oleh Pelajar	
10.3 Lampiran 3: Laporan Pemantauan P&P Politeknik/Jabatan	
10.4 Lampiran 4: Format Laporan Pemantauan P&P Politeknik	

## Glosari

Pengajaran dan pembelajaran (P&P)	Merangkumi dua elemen iaitu aktiviti penyampaian ilmu pengetahuan oleh pensyarah (pengajaran) dan proses interaksi pelajar dengan pensyarah agar berlakunya proses pemerolehan ilmu pengetahuan atau penguasaan kemahiran (pembelajaran) secara langsung atau tidak langsung
Mod pengajian	Pelaksanaan program pengajian politeknik secara sepenuh masa atau separuh masa
Pensyarah	Tenaga pengajar politeknik yang dilantik untuk melaksanakan proses P&P
Folio Pengajaran Pensyarah/ Fail Rekod Pensyarah (FPP/FRP))	Satu dokumen yang disediakan oleh pensyarah yang mengandungi maklumat pengajaran berdasarkan sukatan yang telah ditetapkan dalam dokumen kurikulum. Folio/fail ini juga mengandungi maklumat lain yang menyokong aktiviti P&P
Hasil Pembelajaran	Pernyataan tentang perkara yang pelajar dikehendaki tahu, faham dan boleh lakukan setelah selesai satu tempoh pengajian
Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI)	Satu proses peningkatan kemajuan (prestasi, kualiti dll) secara berterusan dan menyeluruh dengan mengambilkira semua faktor penyumbang
Pra Pemantauan	Proses yang berlaku sebelum pemantauan P&P berjalan yang melibatkan perbincangan awal antara pegawai pemantau dengan pensyarah yang dipantau
Pasca Pemantauan	Proses yang berlaku setelah pemantauan P&P selesai dijalankan yang melibatkan perbincangan dapatan pemantauan (termasuk maklumbalas pelajar) antara pegawai pemantau dengan pensyarah yang dipantau
Pegawai Pemantau	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) yang dilantik bagi melaksanakan proses pemantauan P&P

Program pengajian

Susunan kursus yang distruktur untuk suatu tempoh tertentu dalam peringkat pembelajaran, bertujuan mencapai hasil pembelajaran yang telah ditentukan dan lazimnya menjurus kepada penganugerahan suatu kelayakan.

## 1.0 PENDAHULUAN

*“Politeknik komited dalam memastikan pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan pengajaran memenuhi keperluan kurikulum dan standard akreditasi dalam mencapai matlamat dan hasil pembelajaran program pengajian melalui kepelbagaian pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang bersesuaian, dinamik dan terancang”*

(Dasar dan Prinsip Perancangan dan Penyampaian Kurikulum Program Pengajian)

Proses P&P merupakan antara elemen yang penting dalam menentukan kecemerlangan akademik pelajar. Pemantauan pengajaran pensyarah yang dilaksanakan secara berkala berdasarkan garis panduan ini dapat memastikan pelaksanaan P&P mematuhi perancangan dan peraturan yang ditetapkan. Penilaian pengajaran pensyarah oleh pegawai pemantau merangkumi proses semakan dokumen dan pencerapan semasa pelaksanaan P&P. Manakala maklumbalas pelajar merangkumi persepsi pelajar terhadap keberkesanan pengajaran pensyarah. Hasil penilaian pengajaran pensyarah dianalisa dan dilaporkan bagi tujuan melaksanakan tindakan penambahbaikan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme pensyarah.

Bagi memastikan pelaksanaan P&P pensyarah berfungsi seiring dengan perkembangan semasa, maka pelaksanaan pemantauan P&P harus dilaksanakan dengan terancang dan teratur agar ia mampu mendorong pensyarah untuk melaksanakan tugas dengan lebih berkesan. Pendekatan bimbingan harus ditekankan agar sebarang tindakan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) dapat dibuat.

Pelaksanaan pemantauan P&P ini juga seharusnya dilihat oleh pensyarah sebagai salah satu kaedah penilaian sendiri agar teknik P&P sentiasa ditambahbaik bagi disesuaikan dengan suasana pembelajaran masa kini selain memastikan *core business* politeknik berjalan sebagaimana yang dirancang. Teknik pengajaran pensyarah harus disesuaikan dengan keperluan industri masakini bagi memastikan graduan yang dihasilkan kekal relevan dan berdaya saing selaras dengan *Petunjuk Kejayaan Utama (KSI)* dalam *Fasa 2 Peta Tuju Transformasi Politeknik* yang menetapkan sebanyak 85% graduan perlu diterima bekerja (termasuk melanjut pengajian) dalam tempoh enam bulan setelah tamat pengajian. Pemantauan P&P juga perlu dijadikan satu agenda penting bagi memartabatkan profesionalisme pensyarah. Diharapkan garis panduan ini berupaya memberi panduan kepada pemimpin dan staf akademik bagi melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam proses pemantauan P&P.



## 2.0 OBJEKTIF PEMANTAUAN P&P

- 2.1 Memastikan perancangan dan penyampaian kurikulum dilaksanakan bagi mencapai hasil pembelajaran yang disasarkan.
- 2.2 Menggunakan dapatan keseluruhan pemantauan P&P untuk melaksanakan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) program pengajian.
- 2.3 Menjadikan dapatan sebagai input kepada program peningkatan kompetensi dan profesionalisma pensyarah.
- 2.4 Menjadi input kepada pencerapan khas Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dalam kategori I dan II skim Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT).

## 3.0 SKOP PEMANTAUAN P&P

Garis panduan ini digunapakai untuk semua pensyarah yang terlibat dalam pelaksanaan P&P program pengajian politeknik dalam semua mod pengajian.

## 4.0 PELAKSANAAN PEMANTAUAN P&P

### 4.1 Pemantauan Pensyarah

#### 4.1.1 Pemantau adalah terdiri daripada:

- a. Timbalan Pengarah Akademik (TPA)/Timbalan Pengarah (TP)
- b. Ketua Jabatan (KJ)
- c. Ketua Program (KP)
- d. PPPT Kategori I yang dilantik oleh Pengarah/TPA/TP/KJ

#### 4.1.2 Pemantauan ini menggunakan Instrumen Pemantauan P&P (**LAMPIRAN 1A dan 1B**).

#### 4.1.3 Pemantauan hendaklah dilaksanakan terhadap semua pensyarah sekurang-kurangnya sekali setahun dengan **TIDAK KURANG 40%** daripada jumlah pensyarah dipantau setiap semester.

#### 4.1.4 Pensyarah berikut perlu diberi keutamaan dalam pemantauan/dipantau semula:

- a. tidak mencapai tahap minima 80%;
- b. menerima aduan terhadapnya berkenaan pelaksanaan P&P dari mana-mana pihak;
- c. belum memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan.

### 4.2 Penilaian Pelajar

#### 4.2.1 Penilaian pelajar terhadap pensyarah perlu dilaksanakan selewatnya pada minggu ke-10 perkuliahan.

#### 4.2.2 Penilaian melibatkan semua pelajar atau sekurang-kurangnya 20 orang pelajar di dalam kelas yang dipantau. Bagi kelas yang bilangan pelajar kurang daripada 20 orang, semua pelajar perlu dilibatkan dalam penilaian pensyarah.

4.2.3 Penilaian ini menggunakan Instrumen Penilaian Pensyarah oleh Pelajar (**LAMPIRAN 2**).

## 5.0 FASA PELAKSANAAN PEMANTAUAN P&P.

Pemantauan P&P dilaksanakan dalam **TIGA (3)** fasa iaitu:

### 5.1 Fasa 1: Pra pemantauan

Pemantau dan pensyarah perlu mengadakan perbincangan berkaitan:

5.1.1 Tujuan pemantauan

5.1.2 Instrumen pemantauan

5.1.3 Tarikh, masa dan tempoh pemantauan

5.1.4 Dokumen P&P (Contoh: Folio Pengajaran Pensyarah/ Fail Rekod Pensyarah (FPP/FRP))

5.1.5 Rekod pemantauan P&P yang terdahulu (jika berkaitan)

### 5.2 Fasa 2: Pemantauan

Proses pemantauan yang perlu dilaksanakan melibatkan **LIMA (5)** domain semasa proses P&P berlangsung:

5.2.1 Domain 1: Perancangan P&P

5.2.2 Domain 2: Instruksional

5.2.3 Domain 3: Kompetensi & Profesionalisme Pensyarah

5.2.4 Domain 4: Pengurusan dan Kawalan Kelas (Teori/Amali)

5.2.5 Domain 5: Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Penyampaian P&P\*

(\***KECUALI** bagi kursus yang kurikulumnya dalam Bahasa Malaysia)

### 5.3 Fasa 3: Pasca Pemantauan

Maklumbalas secara lisan dan bertulis perlu diberikan kepada pensyarah yang dipantau sebaik-baiknya selepas tamat sesi pemantauan. Perkara yang perlu dibincangkan adalah dapatan pemantauan dan cadangan penambahbaikan. Pensyarah yang dipantau perlu menyimpan dapatan pemantauan P&P sesi terdahulu dan terkini di dalam FPP/FRP.

Hasil pemantauan dianalisa dan dilaporkan bagi tujuan melaksanakan tindakan penambahbaikan dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme pensyarah. Dapatan penilaian pelajar terhadap pensyarah digalakkan untuk dijadikan rujukan bagi tujuan CQI. Hasil pemantauan wajar dijadikan salah satu input kepada pelan tindakan pembangunan sumber manusia.

## 6.0 LAPORAN DAN TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN

- 6.1 Laporan Pemantauan P&P Jabatan perlu disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Akademik Politeknik (**LAMPIRAN 3**);
- 6.2 Laporan Pemantauan P&P Politeknik perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Politeknik/Mesyuarat Kajian Pengurusan (KSP).
- 6.3 Laporan CQI Pemantauan P&P Politeknik setiap semester perlu dikemukakan kepada JPP pada minggu terakhir **JUN** dan **DISEMBER** setiap tahun (**LAMPIRAN 4**).

## 7.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 7.1 Timbalan Pengarah Akademik/Timbalan Pengarah
  - 7.1.1 Merancang dan mengawalselia proses pemantauan P&P politeknik.
  - 7.1.2 Membincang status pelaksanaan dan dapatan pemantauan P&P Politeknik di dalam Mesyuarat Pengurusan Akademik.
  - 7.1.3 Membentangkan status pelaksanaan dan dapatan pemantauan P&P Politeknik di dalam Mesyuarat Pengurusan Politeknik/Mesyuarat Kajian Pengurusan (KSP) .
  - 7.1.4 Memantau pelaksanaan CQI.
- 7.2 Ketua Jabatan
  - 7.2.1 Mengurus pelaksanaan pemantauan P&P peringkat jabatan.
  - 7.2.2 Menyampaikan taklimat Garis Panduan Pemantauan P&P kepada semua pensyarah.
  - 7.2.3 Membentangkan Laporan Pemantauan P&P Jabatan berdasarkan format dalam Mesyuarat Pengurusan Akademik Politeknik.
  - 7.2.4 Mengurus pelaksanaan CQI untuk meningkatkan kualiti P&P.
- 7.3 Pegawai Pemantau
  - 7.3.1 Melaksanakan pemantauan mengikut perancangan jabatan dan garis panduan yang telah ditetapkan.
  - 7.3.2 Membincangkan dapatan pemantauan bersama pensyarah yang dipantau.
  - 7.3.3 Membantu meningkatkan tahap kompetensi dan profesionalisme pensyarah.
  - 7.3.4 Menggalakkan perkongsian kepakaran dan pengalaman dalam P&P.
- 7.4 Pensyarah Yang Dipantau
  - 7.4.1 Bertanggungjawab untuk memahami proses pemantauan P&P dan memastikan diri dipantau sekurang-sekali dalam setahun.



- 7.4.2 Bekerjasama dengan pegawai pemantau dalam pelaksanaan pemantauan P&P
- 7.4.3 Mengambil tindakan terhadap cadangan penambahbaikan berdasarkan maklumbalas pemantauan P&P
- 7.4.4 Menggalakkan penggunaan instrumen pemantauan P&P bagi penilaian sendiri/rakan sekerja

## 8.0 TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan Pemantauan Pengajaran dan Pembelajaran Edisi 2015 berkuatkuasa mulai Januari 2015 dan Edisi 2012 adalah terbatal.

## 9.0 DOKUMEN RUJUKAN

- 9.1 Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)
- 9.2 Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA)
- 9.3 Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum
- 9.4 Standard Program
- 9.5 Dasar & Prinsip Jaminan Kualiti Program Pengajian
- 9.6 Dasar & Prinsip Perancangan Dan Penyampaian Kurikulum Program Pengajian
- 9.7 Dasar dan Prinsip Pentaksiran Politeknik
- 9.8 Arahan-arahan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa

## 10.0 LAMPIRAN

### 10.1 Lampiran 1A: Instrumen Pemantauan P&P

Borang skor markah pensyarah yang dipantau.

### 10.2 Lampiran 1B: Rubrik Pemantauan P&P

Instrumen ini digunakan oleh pemantau bagi pemantauan P&P.

### 10.3 Lampiran 2: Instrumen Penilaian Pensyarah oleh Pelajar

Instrumen ini digunakan oleh pelajar untuk memberi maklumbalas terhadap pensyarah yang dipantau.

### 10.4 Lampiran 3: Format Laporan Pemantauan P&P Jabatan

Laporan Pemantauan keseluruhan pensyarah jabatan.

### 10.5 Lampiran 4: Format Laporan Pemantauan P&P Politeknik

Laporan Pemantauan keseluruhan pensyarah politeknik.

Sebarang maklumbalas e-melkan ke  
**bipd.jpp@moe.gov.my**

**JAWATANKUASA SEMAK SEMULA  
GARIS PANDUAN PEMANTAUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
EDISI 2015**

**PENAUNG**

YBhg. DATUK HAJI MOKHLIS BIN JAAFAR  
Ketua Pengarah

**PENASIHAT**

HJ MOHD GHAUS BIN AB KADIR  
Pengarah Kanan Akademik  
Jabatan Pengajian Politeknik

**PENGERUSI**

NOOR AIDI BINTI NADZRI  
Pengarah, Bahagian Instruksional & Pembelajaran Digital

**PENGERUSI II**

ABDUL HANIF BIN MUSTAFA  
Timbalan Pengarah Akademik, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

**SETIAUSAHA**

SITI NORIDAH BINTI ALI (BIPD)  
KHAIRUL AZHA BIN AHMAD (BIPD)

**AHLI**

ANNAFAEDZATUL BINTI MOHAMAD AMIN (PSA)  
CECILIA SOON TEIK LAN (BHIP)  
HASSAN BIN ISMAIL (PSMZA)  
IRMA BAIZURI MOHD AKHIR (BIPD)  
MOHD ARIFIN BIN AMAN (PMK)  
NOOR ROSMAWATI BINTI YUSUF (BIPD)  
NORAH BINTI MOHD ZAN (PMJB)  
ROZIYANI BINTI ZAIDON (BPP)  
SHAMSURIA BINTI MOHD ARIFFIN (POLISAS)  
WAN YASIMA BINTI MOHAMAD AMIN (PSIS)  
ZULKEFLI BIN MENONG (PKT)

**REKABENTUK MUKA HADAPAN**

NORMATUL SHAFINAZ BINTI OMAR (BIPD)

*(Nama disusun mengikut abjad)*

NAMA PENSYARAH						GRED	TARIKH	MASA
PROGRAM	KELAS	SESI P&P	TEORI / AMALI / PROJEK / KERJA LUAR			TEMPAT		
MOD	PM / SM	SESI PENGAJIAN	KOD & NAMA KURSUS					
<b>DOMAIN 1 : PERANCANGAN PENGAJARAN &amp; PEMBELAJARAN (P&amp;P) - 10%</b>				<b>ULASAN (KEKUATAN/KELEMAHAN)</b>			<b>CADANGAN PENAMBAHBAIKAN</b>	
PERKARA			JULAT	SKOR				
1	Folio Pengajaran Pensyarah (FPP)/Fail Rekod Pensyarah (FRP)		1 - 5					
2	Rancangan Mengajar Semester		1 - 5					
<b>PERATUS SKOR DOMAIN 1:</b>								
<b>DOMAIN 2 : INSTRUKSIONAL - 55%</b>								
1	Set Induksi		1 - 5					
2	Penyampaian isi pelajaran/kemahiran dan pengurusan masa.		1 - 15					
3	Penggunaan sumber pendidikan (termasuk penggunaan teknologi/BBM dan nota.		1 - 10					
4	Pembelajaran berpusatkan pelajar (Student Centered Learning - SCL)		1 - 15					
5	Penilaian Formatif		1 - 5					
6	Maklumbalas pensyarah & Rumusan		1 - 5					
<b>PERATUS SKOR DOMAIN 2:</b>								
<b>DOMAIN 3 : KOMPETENSI &amp; PROFESIONALISME PENSYARAH- 15%</b>								
1	Penguasaan bidang		1 - 10					
2	Nilai-nilai profesionalisme		1 - 5					
<b>PERATUS SKOR DOMAIN 3:</b>								
<b>DOMAIN 4 : PENGURUSAN DAN KAWALAN KELAS (TEORI/AMALI) - 5%</b>								
1	Pengurusan dan kawalan kelas		1 - 5					
<b>DOMAIN 5 : PEMERKASAAN PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS DALAM PENYAMPAIAN P&amp;P - 15%</b>								
1	Penggunaan Bahasa Inggeris dalam P&P		1 - 15					
<b>PERATUS SKOR KESELURUHAN (DOMAIN 1 HINGGA 5):</b>			/100					
<b>PERATUS SKOR KESELURUHAN (BAGI PENILAIAN DOMAIN 1 HINGGA 4 SHJ):</b>			/85					
<b>PERATUS SKOR PENILAIAN PELAJAR:</b>					_____		_____	
					t.t Pensyarah, Nama, Tarikh		t.t Pemantau, Nama, Tarikh	



**DOMAIN 1: PERANCANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) (10%)**

Perancangan dan persediaan yang rapi meningkatkan keberkesanan pengajaran

Bil	Aspek	Deskripsi A	Deskripsi B	Deskripsi C	Deskripsi D	Deskripsi E	Skor
1	Folio Pengajaran Pensyarah (FPP)/ Fail Rekod Pensyarah (FRP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>FPP/FRP disediakan dengan lengkap dan mengandungi semua rekod yang berkaitan mengikut keperluan institusi.</li> <li>Rekod dikemaskini dengan baik.</li> <li>Rekod mudah dikesan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>FPP/FRP disediakan dengan lengkap dan mengandungi semua rekod yang berkaitan mengikut keperluan institusi.</li> <li>Semua rekod dikemaskini dengan baik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>FPP/FRP disediakan dengan lengkap dan mengandungi semua rekod yang berkaitan mengikut keperluan institusi.</li> <li>Terdapat rekod yang tidak dikemaskini seperti <i>Rancangan Mengajar Semester (RMS)</i>, <i>Rekod Kehadiran Pelajar (RKP)</i>, <i>Penilaian Berterusan (PB)</i> dll.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>FPP/FRP disediakan tetapi tidak lengkap dan rekod tidak dikemaskini.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>FPP/FRP disediakan tetapi kebanyakan rekod tidak lengkap dan tidak dikemaskini.</li> </ul>	5 4 3 2 1 /5
2	Rancangan Mengajar Semester	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi B dipenuhi.</li> <li>Terdapat unsur-unsur nilai tambah/<i>Continual Quality Improvement (CQI)</i> termasuk catatan refleksi di dalam rancangan mengajar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perancangan yang komprehensif untuk mencapai <i>Course Learning Outcome (CLO)</i>.</li> <li>Kaedah penyampaian yang pelbagai.</li> <li>Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai untuk mencapai CLO.</li> <li>Perancangan penilaian yang memenuhi keperluan kurikulum.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perancangan yang kurang komprehensif untuk mencapai <i>Course Learning Outcome (CLO)</i>.</li> <li>Kurang kepelbagaian kaedah penyampaian.</li> <li>Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang kurang sesuai untuk mencapai CLO.</li> <li>Sebahagian daripada perancangan penilaian tidak memenuhi keperluan kurikulum.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti P&amp;P tidak dirancang untuk mencapai <i>Course Learning Outcome (CLO)</i>.</li> <li>Tiada kepelbagaian kaedah penyampaian.</li> <li>Tiada penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM).</li> <li>Perancangan penilaian yang tidak memenuhi keperluan kurikulum.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perancangan yang disediakan tidak mengikut keperluan semasa.</li> </ul>	5 4 3 2 1 /5
<b>PERATUS SKOR DOMAIN 1:</b>							<b>/10</b>

**DOMAIN 2: INSTRUKSIONAL (55%)**

Pensyarah mempraktikkan dasar, prinsip dan amalan P&P terkini dalam menyokong pembelajaran pelajar. Pensyarah melaksanakan instruksional (penyampaian) dengan mengambil kira kepelbagaian pelajar (*learners' diversity*) melalui penggunaan strategi dan teknologi yang berkesan.

\**Lesson learning Outcome (LLO): Hasil pembelajaran sesi adalah merujuk kepada hasil pembelajaran yang akan dicapai setelah tamat satu sesi perkuliahan.*

Bil	Aspek	Deskripsi A	Deskripsi B	Deskripsi C	Deskripsi D	Deskripsi E	Skor
1	Set Induksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi B dipenuhi serta dapat menarik minat dan kesediaan pelajar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bersesuaian dengan LLO.</li> <li>LLO dinyatakan dengan jelas kepada pelajar.</li> <li>Pengetahuan/pengalaman/pembelajaran terdahulu /aplikasi kerjaya pelajar dirujuk/dikaitkan.</li> <li>Set induksi dilaksanakan dalam tempoh masa yang bersesuaian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bersesuaian dengan LLO.</li> <li>LLO dinyatakan dengan jelas kepada pelajar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kurang bersesuaian dengan LLO.</li> <li>LLO tidak dinyatakan dengan jelas kepada pelajar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak bersesuaian dengan LLO.</li> </ul>	
		<b>5</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>/5</b>
2	Penyampaian isi pelajaran/ kemahiran dan pengurusan masa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua kekuatan yang dihuraikan dalam deskripsi B dipenuhi.</li> <li>Terdapat unsur kreativiti dan inovasi yang dapat menambah nilai dalam penyampaian isi pelajaran/kemahiran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Teratur, jelas dan bersepadu dalam aktiviti P&amp;P.</li> <li>LLO tercapai.</li> <li>kepelbagaian Kaedah P&amp;P.</li> <li>Pengurusan masa yang optimum.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Teratur dan jelas dalam aktiviti P&amp;P.</li> <li>LLO tidak tercapai sepenuhnya.</li> <li>Pengurusan masa yang memuaskan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kurang teratur dan jelas.</li> <li>Sebahagian LLO sahaja yang tercapai.</li> <li>Pengurusan masa yang kurang memuaskan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak teratur dan jelas.</li> <li>LLO tidak tercapai.</li> <li>Pengurusan masa yang lemah.</li> </ul>	
		<b>15-13</b>	<b>12-10</b>	<b>9-7</b>	<b>6-4</b>	<b>3-1</b>	<b>/15</b>



Bil	Aspek	Deskripsi A	Deskripsi B	Deskripsi C	Deskripsi D	Deskripsi E	Skor
3	Penggunaan Sumber Pendidikan (termasuk penggunaan teknologi/ Bahan Bantu Mengajar [BBM] dan nota)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi B dipenuhi.</li> <li>• Kepelbagaian penggunaan sumber pendidikan.</li> <li>• Terdapat unsur kreativiti dan inovasi dalam penggunaan sumber pendidikan untuk merangsang pemikiran pelajar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sesuai dan berupaya menarik minat pelajar serta mengukuhkan pembelajaran (Teori).</li> <li>• Penerangan yang jelas dan betul mengenai penggunaan peralatan dan memberi penekanan kepada aspek keselamatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sesuai untuk mengukuhkan pembelajaran pelajar (Teori).</li> <li>• Penerangan mengenai cara penggunaan yang betul dan aspek keselamatan dalam penggunaan peralatan yang berkaitan (Amali).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang sesuai untuk mengukuhkan pembelajaran pelajar (Teori).</li> <li>• Penerangan yang kurang jelas mengenai cara penggunaan peralatan (Amali).</li> <li>• Kurang penekanan mengenai aspek keselamatan (Amali).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan sumber pendidikan (Teori) yang tidak sesuai.</li> <li>• Tiada penerangan mengenai cara penggunaan peralatan (Amali).</li> <li>• Tiada penekanan mengenai aspek keselamatan (Amali).</li> </ul>	<p style="text-align: right;"><b>10-9</b></p> <p style="text-align: right;"><b>8-7</b></p> <p style="text-align: right;"><b>6-5</b></p> <p style="text-align: right;"><b>4-3</b></p> <p style="text-align: right;"><b>2-1</b></p> <p style="text-align: right;"><b>/10</b></p>
4	Pembelajaran Berpusatkan Pelajar ( <i>Student Centered Learning [SCL]</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi B dipenuhi.</li> <li>• Terdapat unsur nilai tambah seperti aktiviti yang menerapkan+ kemahiran generik dan meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majoriti pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti P&amp;P.</li> <li>• Wujud interaksi pelbagai hala (interaksi antara pelajar dan pensyarah, pelajar dan bahan).</li> <li>• Kaedah P&amp;P yang digunakan sangat sesuai ke arah pencapaian LLO</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Majoriti pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti P&amp;P.</li> <li>• Wujud interaksi pelbagai hala (interaksi antara pelajar dan pelajar, pelajar dan pensyarah, pelajar dan bahan).</li> <li>• Kaedah P&amp;P yang digunakan kurang sesuai ke arah pencapaian LLO.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebilangan kecil pelajar sahaja yang berinteraksi dalam pelbagai hala (interaksi antara pelajar dan pelajar, pelajar dan pensyarah, pelajar dan bahan).</li> <li>• Kaedah yang digunakan kurang sesuai ke arah pencapaian LLO.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembelajaran berpusatkan pensyarah.</li> </ul>	<p style="text-align: right;"><b>15-13</b></p> <p style="text-align: right;"><b>12-10</b></p> <p style="text-align: right;"><b>9-7</b></p> <p style="text-align: right;"><b>6-4</b></p> <p style="text-align: right;"><b>3-1</b></p> <p style="text-align: right;"><b>/15</b></p>



Bil	Aspek	Deskripsi A	Deskripsi B	Deskripsi C	Deskripsi D	Deskripsi E	Skor					
5	Penilaian Formatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi B dipenuhi.</li> <li>Teknik penilaian mencakup pelbagai aras kognitif/ psikomotor/afektif yang bersesuaian untuk mencapai LLO.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sejajar dengan LLO dan strategi instruksional.</li> <li>Soalan yang dikemukakan mudah difahami dan pelbagai bentuk-bertumpu /bercapah (open-ended question).</li> <li>Disebarkan ke seluruh kelas supaya semua pelajar berpeluang untuk menjawab soalan.</li> <li>Mengambil tindakan susulan yang wajar atas hasil penilaian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sejajar dengan LLO dan strategi instruksional.</li> <li>Soalan yang dikemukakan mudah difahami tetapi tiada kepelbagaian bentuk.</li> <li>Disebarkan ke seluruh kelas supaya semua pelajar berpeluang untuk menjawab soalan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak sejajar dengan LLO dan strategi instruksional.</li> <li>Soalan yang dikemukakan sukar difahami dan tidak sesuai untuk mengukur pencapaian LLO.</li> <li>Hanya beberapa pelajar tertentu yang dipilih untuk menjawab soalan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penilaian tidak mengukur pencapaian LLO.</li> </ul>	5	4	3	2	1	/5
6	Maklumbalas Pensyarah dan Rumusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi B dipenuhi.</li> <li>Maklumbalas dan rumusan merangsang pemikiran kritikal.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Maklumbalas yang segera dan membina diberi kepada pelajar.</li> <li>Merumus dengan jelas isi pelajaran melalui aktiviti penilaian ATAU pengukuhan yang menjurus kepada pencapaian LLO.</li> <li>Mencadangkan aktiviti susulan bagi peningkatan pembelajaran.</li> <li>Mencadangkan persediaan pembelajaran akan datang.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Maklumbalas yang diberi kepada pelajar membina bagi tujuan peningkatan pembelajaran.</li> <li>Merumus isi pelajaran untuk membantu dalam pengukuhan pembelajaran.</li> <li>Mencadangkan aktiviti susulan bagi peningkatan pembelajaran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Maklumbalas yang diberi kepada pelajar kurang membina bagi tujuan peningkatan pembelajaran.</li> <li>Merumus isi pelajaran tetapi kurang membantu dalam pengukuhan pembelajaran.</li> <li>Mencadangkan aktiviti susulan bagi peningkatan pembelajaran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Maklumbalas yang diberi kepada pelajar tidak membina dan tidak dapat membantu peningkatan pembelajaran.</li> <li>Rumusan yang tidak jelas dan tidak membantu dalam pengukuhan pembelajaran.</li> <li>Tiada cadangan aktiviti susulan</li> </ul>	5	4	3	2	1	/5
<b>PERATUS SKOR DOMAIN 2:</b>							<b>/55</b>					

**DOMAIN 3: KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME PENSYARAH (15%)**

Pematuhan etika kerja dan amalan nilai yang positif mewujudkan keyakinan dan kepercayaan pelajar terhadap pensyarah.

Bil	Aspek	Deskripsi Skor 5	Deskripsi Skor 4	Deskripsi Skor 3	Deskripsi Skor 2	Deskripsi Skor 1	Skor
1	Penguasaan dalam bidang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua kekuatan yang diuraikan dalam deskripsi B dipenuhi.</li> <li>Pensyarah mempamerkan keupayaan dalam meningkatkan pencapaian pelajar melalui kemahiran menyelesaikan masalah, analitikal dan sintesis.</li> <li>Mencadangkan rujukan yang berkesan dalam bidang.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyampaian konsep dan fakta serta pemberian jawapan dilaksanakan dengan yakin, jelas dan tepat.</li> <li>Isi pelajaran dikaitkan dengan situasi semasa atau pengalaman pelajar dengan menggunakan contoh-contoh yang relevan/kehidupan yang sebenar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyampaian konsep dan fakta serta pemberian jawapan dilaksanakan dengan yakin, jelas dan tepat.</li> <li>Isi pelajaran tidak dikaitkan dengan situasi semasa/ pengalaman pelajar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyampaian konsep dan fakta serta pemberian jawapan yang terhad dan kurang jelas.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penyampaian konsep dan fakta serta pemberian jawapan yang tidak jelas.</li> </ul>	
		<b>10-9</b>	<b>8-7</b>	<b>6-5</b>	<b>4-3</b>	<b>2-1</b>	<b>/10</b>
2	Nilai-nilai Profesionalisme	Cemerlang	Baik	Memuaskan	Kurang memuaskan	Tidak memuaskan	
		<b>5</b>	<b>4</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>/5</b>
		<b>Nilai-nilai Profesionalisme:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kesungguhan dalam menyampaikan isi pelajaran.</li> <li>Prihatin terhadap pembelajaran pelajar dan bersikap adil serta bertimbangrasa terhadap setiap pelajar.</li> <li>Bersikap positif, mesra, sabar, mudah didekati dan sedia membantu.</li> <li>Ketepatan masa, sahsiah dan penampilan yang sangat baik yang boleh dicontohi pelajar.</li> <li>Kemahiran berkomunikasi yang tinggi.</li> <li>Memberi dorongan dan bimbingan</li> <li>Menghormati harta intelek.</li> </ul>					
<b>PERATUS SKOR DOMAIN 3:</b>							<b>/15</b>



**DOMAIN 4: PENGURUSAN DAN KAWALAN KELAS (TEORI/AMALI) (5%)**

Pengurusan dan kawalan kelas yang cekap mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk keberkesanan P&amp;P.

Bil	Aspek	Deskripsi A	Deskripsi B	Deskripsi C	Deskripsi D	Deskripsi E	Skor
1	Pengurusan dan kawalan kelas	Cemerlang 5	Baik 4	Memuaskan 3	Kurang memuaskan 2	Tidak memuaskan 1	/5
		<b>Ciri-ciri pengurusan kelas:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memastikan kelas berada dalam keadaan selamat, bersih dan teratur.</li> <li>▪ Mengambil berat terhadap kehadiran dan ketepatan masa pelajar.</li> <li>▪ Arahan yang jelas dan penekanan terhadap keselamatan dan kesihatan (sekiranya berkaitan).</li> <li>▪ Susun atur kedudukan pelajar sesuai dengan aktiviti yang dilaksanakan dan ruang kelas digunakan secara optimum untuk tujuan pembelajaran.</li> <li>▪ Tingkah laku pelajar berjaya dikawal dan menegaskan pematuhan pada peraturan serta memastikan pelajar memberi tumpuan terhadap pelajaran.</li> <li>▪ Menegur salah laku pelajar (sekiranya berlaku) secara berhemah.</li> </ul>					
<b>PERATUS SKOR DOMAIN 4:</b>							<b>/5</b>

**\*DOMAIN 5: PEMERKASAAN PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS DALAM PENYAMPAIAN P&P (15%)**

Penggunaan Bahasa Inggeris dalam P&amp;P (Penyampaian serta Penilaian dan Nota)

Bil	Aspek	Deskripsi A	Deskripsi B	Deskripsi C	Deskripsi D	Deskripsi E	Skor
1	Penggunaan Bahasa Inggeris dalam P&P	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengajaran pensyarah menggunakan Bahasa Inggeris sepenuhnya.</li> <li>• Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik dan mudah difahami.</li> <li>• Penilaian dan nota disediakan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris.</li> </ul> 15-13	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebahagian besar pengajaran pensyarah menggunakan Bahasa Inggeris.</li> <li>• Penilaian dan nota disediakan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris</li> </ul> 12-10	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebahagian pengajaran pensyarah menggunakan Bahasa Inggeris.</li> <li>• Penilaian dan nota disediakan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris.</li> </ul> 9-7	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebahagian kecil pengajaran pensyarah menggunakan Bahasa Inggeris.</li> <li>• Penilaian dan nota disediakan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris.</li> </ul> 6-4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengajaran pensyarah dalam Bahasa Inggeris adalah terlalu sedikit.</li> <li>• Penilaian dan nota disediakan dalam Bahasa Inggeris.</li> </ul> 3-1	/15
		*Tertakluk kepada arahan pelaksanaan kurikulum yang sedang berkuatkuasa					
<b>PERATUS SKOR DOMAIN 5:</b>							<b>/15</b>



Terima kasih kerana meluangkan masa untuk melengkapkan instrumen penilaian ini. Sila jawab semua soalan dengan seberapa jujur yang boleh. Dengan berbuat demikian anda membantu pensyarah anda menambahkan kualiti pengajarannya dan membantu meningkatkan tahap profesionalisma beliau. Terima kasih.

Nama Pensyarah : _____	Kod Program : _____
Kod & Nama Kursus : _____	Seksyen/Kelas : _____
Jabatan : _____	Tarikh : _____
<p>Arahan:</p> <p>1. Sila jawab semua soalan <b>KECUALI</b> soalan 10 adalah bagi kursus-kursus berkaitan yang dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris.</p> <p>2. Bulatkan skor pilihan anda berdasarkan pada skala berikut:- 5:Sangat Setuju; 4:Setuju; 3:Agak Setuju; 2:Tidak Setuju; 1:Sangat Tidak Setuju</p>	

Aspek	Bulatkan skor pilihan anda					
1 Pensyarah melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara terancang dan tersusun.	Sangat Tidak Setuju <table border="1" style="display: inline-table; text-align: center;"><tr><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td></tr></table> Sangat Setuju	1	2	3	4	5
1	2	3	4	5		
2 Pensyarah memaklumkan hasil pembelajaran dengan jelas.	Sangat Tidak Setuju <table border="1" style="display: inline-table; text-align: center;"><tr><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td></tr></table> Sangat Setuju	1	2	3	4	5
1	2	3	4	5		
3 Pengajaran pensyarah berjaya meningkatkan pengetahuan saya.	Sangat Tidak Setuju <table border="1" style="display: inline-table; text-align: center;"><tr><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td></tr></table> Sangat Setuju	1	2	3	4	5
1	2	3	4	5		
4 Bahan Bantu Mengajar yang digunakan membantu meningkatkan kefahaman saya.	Sangat Tidak Setuju <table border="1" style="display: inline-table; text-align: center;"><tr><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td></tr></table> Sangat Setuju	1	2	3	4	5
1	2	3	4	5		
5 Kerja kursus dan soalan yang dikemukakan oleh pensyarah merangsang pemikiran kreatif dan inovatif saya.	Sangat Tidak Setuju <table border="1" style="display: inline-table; text-align: center;"><tr><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td></tr></table> Sangat Setuju	1	2	3	4	5
1	2	3	4	5		
6 Pensyarah memberi maklumbalas terhadap penilaian kerja kursus saya dalam tempoh yang sesuai.	Sangat Tidak Setuju <table border="1" style="display: inline-table; text-align: center;"><tr><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td></tr></table> Sangat Setuju	1	2	3	4	5
1	2	3	4	5		
7 Pensyarah memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P).	Sangat Tidak Setuju <table border="1" style="display: inline-table; text-align: center;"><tr><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td></tr></table> Sangat Setuju	1	2	3	4	5
1	2	3	4	5		
8 Pensyarah bertindak secara profesional dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (P&P)	Sangat Tidak Setuju <table border="1" style="display: inline-table; text-align: center;"><tr><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td></tr></table> Sangat Setuju	1	2	3	4	5
1	2	3	4	5		
9 Pensyarah sentiasa menampilkan perwatakan positif yang boleh dicontohi.	Sangat Tidak Setuju <table border="1" style="display: inline-table; text-align: center;"><tr><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td></tr></table> Sangat Setuju	1	2	3	4	5
1	2	3	4	5		
10 Pensyarah sentiasa memastikan persekitaran pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah kondusif dan selamat.	Sangat Tidak Setuju <table border="1" style="display: inline-table; text-align: center;"><tr><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td></tr></table> Sangat Setuju	1	2	3	4	5
1	2	3	4	5		
11 Pensyarah menggunakan Bahasa Inggeris yang mudah difahami sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P).	Sangat Tidak Setuju <table border="1" style="display: inline-table; text-align: center;"><tr><td>1</td><td>2</td><td>3</td><td>4</td><td>5</td></tr></table> Sangat Setuju	1	2	3	4	5
1	2	3	4	5		

Jumlah Skor =

**A. Cadangan untuk meningkatkan kefahaman saya bagi kursus ini :**

**Skor Penilaian Untuk Aspek 1 - 10**

$\frac{\text{Jumlah Skor} \times 100}{50} = \text{ \quad \quad } \%$

**Skor Penilaian Untuk Aspek 1 - 11**

$\frac{\text{Jumlah Skor} \times 100}{55} = \text{ \quad \quad } \%$

POLITEKNIK MALAYSIA  
LAPORAN PEMANTAUAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (P&P)  
SESI \_\_\_\_\_  
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

LAMPIRAN 3

BUTIRAN PENSYARAH			KEPUTUSAN PEMANTAUAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (P&P)												
BIL	NAMA PENSYARAH YANG DIPANTAU	NO. KAD PENGENALAN	TARIKH	PROGRAM	BUTIRAN KURSUS		SKOR DARIPADA LAMPIRAN 1A (PEGAWAI PEMANTAU)					SKOR DARIPADA LAMPIRAN 2 (PELAJAR) (100%)	TERLIBAT DENGAN PEMANTAUAN SUSULAN		
					KOD KURSUS	NAMA KURSUS	DOMAIN 1 (10%)	DOMAIN 2 (55%)	DOMAIN 3 (15%)	DOMAIN 4 (5%)	DOMAIN 5 (15%)		JUMLAH (100%)	YA	TIDAK
1												0.00	80.00		
2												0.00	40.00		
3												0.00			
4												0.00			
5												0.00			
6												0.00			
7												0.00			
8												0.00			
9												0.00			
10												0.00			
11												0.00			
12												0.00			
13												0.00			
14												0.00			
15												0.00			
16												0.00			
17												0.00			
18												0.00			
19												0.00			
20												0.00			
<b>PURATA</b>											0.00	60.00			

JUMLAH PENSYARAH DIPANTAU	40	66.67%
JUMLAH PENSYARAH TIDAK DIPANTAU	20	33.33%
JUMLAH PENSYARAH DI JABATAN	60	100.00%

**PERBANDINGAN SKOR MARKAH PEGAWAI PEMANTAU DENGAN**

SKOR PEMANTAU			SKOR PELAJAR		
TERENDAH	PURATA	TERTINGGI	TERENDAH	PURATA	TERTINGGI
60.00	75.00	90.00	50.00	65.00	80.00

**BILANGAN PENSYARAH YANG MEMPEROLEHI SKOR MARKAH MENGIKUT DOMAIN**

Domain	Jumlah Skor	Bilangan Pensyarah Yang Memperolehi Peratusan Skor seperti berikut :					
		<50%	50-59%	60-69%	70-79%	80-89%	90-100%
Domain 1	10						
Domain 2	55						
Domain 3	15						
Domain 4	5						
Domain 5	15						

**RINGKASAN PENCAPAIAN PENSYARAH MENGIKUT JABATAN**

JABATAN	BILANGAN PENSYARAH JABATAN	BILANGAN PENSYARAH DIPANTAU	PERATUS PEMANTAUAN	BILANGAN PENSYARAH YANG MENDAPAT SKOR YANG DIBERIKAN OLEH PENYELIA DAN PELAJAR SEPERTI BERIKUT :													
				<50%		50-59%		60-69%		70-79%		80-89%		90-100%			
				Peg Pemantau	Pelajar	Peg Pemantau	Pelajar	Peg Pemantau	Pelajar	Peg Pemantau	Pelajar	Peg Pemantau	Pelajar	Peg Pemantau	Pelajar		
JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL	60	40	66.67%														

Nota: Bilangan pensyarah jabatan adalah termasuk Ketua Jabatan, Ketua Program dan semua pensyarah ( tidak termasuk yang bercuti tanpa gaji, cuti belajar. Pensyarah yang cuti bersalin juga perlu dipantau sebelum atau selepas cuti tersebut)

**BUTIRAN PENSYARAH PROGRAM TIDAK DIPANTAU DAN SEBAB :**

BIL	NAMA	PROGRAM	SEBAB
1			
2			
3			
4			
5			

Disediakan oleh :

Disahkan oleh Ketua Jabatan :

Nama :  
Jawatan :  
Tarikh :

Nama :  
Tarikh :

Nota:

- Lampiran ini perlu disediakan peringkat Jabatan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Akademik Politeknik.
- Dapatan dari semua jabatan dikumpulkan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Politeknik



**POLITEKNIK MALAYSIA**  
**LAPORAN PEMANTAUAN PENGAJARAN & PEBELAJARAN**  
**TAHUN PENGAJIAN 2014-2015**

**BAHAGIAN A : MAKLUMAT UMUM PENSYARAH POLITEKNIK**

**1 STATISTIK PENSYARAH PADA SESI I (JUN)**

GRED PENSYARAH	KATEGORI I	KATEGORI II	KATEGORI III	JUMLAH
PPPT GRED 53-54	1			1
PPPT GRED 51-52	1			1
PPPT GRED 47-48	1	1		2
PPPT GRED 43-44	1	1	1	3
PPPT GRED 41-42	1		1	2
PPPT GRED 33-34	1			1
PPPT GRED 31-32	1			1
PPPT GRED 29	1			1
PENSYARAH KONTRAK	1			1
PENSYARAH SAMBILAN	1			1
<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>14</b>

**Nota :**

*Pengarah, Timbalan Pengarah Akademik/Timbalan Pengarah, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik TIDAK dikategorikan sebagai Pensyarah untuk tujuan pemantauan P&P.*

*PPPT kategori II - Ketua Jabatan dan Ketua Program/Kursus*

*PPPT kategori III dikira hanya sekira terlibat dengan P&P.*

**2 STATISTIK PENSYARAH PADA SESI II (DISEMBER)**

GRED PENSYARAH	KATEGORI I	KATEGORI II	KATEGORI III	JUMLAH
PPPT GRED 53-54	1			1
PPPT GRED 51-52	1			1
PPPT GRED 47-48	1	1		2
PPPT GRED 43-44	5	1	1	7
PPPT GRED 41-42	1		1	2
PPPT GRED 33-34	1			1
PPPT GRED 31-32	1			1
PPPT GRED 29	1			1
PENSYARAH KONTRAK	1			1
PENSYARAH SAMBILAN	1			1
<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>18</b>

BAHAGIAN B : MAKLUMAT PEMANTAUAN

1 STATISTIK PEGAWAI PEMANTAU

GRED PEGAWAI PEMANTAU	BILANGAN PEGAWAI PEMANTAU	BILANGAN PENSYARAH YANG DIPANTAU IKUT GRED										JUMLAH	
		53-54	52-52	47-48	43-44	41-42	33-34	31-32	29	KONTRAK	SAMBILAN		
PPPT GRED JUSA	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	10
PPPT GRED 53-54	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	10
PPPT GRED 51-52	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	10
PPPT GRED 47-48	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	10
PPPT GRED 43-44	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	10
PPPT GRED 41-42	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	10
<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>60</b>

2 STATISTIK PEMANTAUAN SESI I (JAN-JUN)

PEMANTAUAN SESI I	JUMLAH	
JUMLAH PENSYARAH	14	PERATUS
JUMLAH PENSYARAH YANG DIPANTAU	6	42.86%
JUMLAH PENSYARAH MENDAPAT SKOR <80%	3	50.00%
JUMLAH PENSYARAH YANG DIPANTAU SEMULA	3	100.00%
JUMLAH PENSYARAH TIDAK DIPANTAU	8	57.14%

2 STATISTIK PEMANTAUAN SESI II (JULAI-DISEMBER)

PEMANTAUAN SESI II	JUMLAH	
JUMLAH PENSYARAH	18	PERATUS
JUMLAH PENSYARAH YANG DIPANTAU	11	61.11%
JUMLAH PENSYARAH MENDAPAT SKOR <80%	1	9.09%
JUMLAH PENSYARAH YANG DIPANTAU SEMULA	1	100.00%
JUMLAH PENSYARAH YANG TIDAK DIPANTAU	1	5.56%

3 STATISTIK PEMANTAUAN KESELURUHAN (SESI I & II) (JAN-DIS)

PEMANTAUAN KESELURUHAN (SESI I & II)	JUMLAH	
JUMLAH PENSYARAH	18	PERATUS
JUMLAH PENSYARAH YANG DIPANTAU	17	94.44%
JUMLAH PENSYARAH MENDAPAT SKOR <80%	4	23.53%
JUMLAH PENSYARAH YANG DIPANTAU SEMULA	4	100.00%
JUMLAH PENSYARAH TIDAK DIPANTAU	1	5.56%

(Diambil daripada Statistik Pensyarah Sesi I atau Sesi II, yang mana lebih tinggi)

**BAHAGIAN C : MAKLUMAT MARKAH PEMANTAUAN MENGIKUT DOMAIN**

DOMAIN	JUMLAH SKOR MAKSIMA	BILANGAN PENSYARAH YANG MEMPEROLEHI PERATUSAN SKOR BAGI DOMAIN SEPERTI BERIKUT :						JUMLAH PENSYARAH DIPANTAU
		<50%	50-59%	60-69%	70-79%	80-89%	90-100%	
Domain 1 - Perancangan Pengajaran & Pembelajaran	10							0
Domain 2 - Instruksional	50							0
Domain 3 - Kompetensi & Profesionalisma Pensyarah	15							0
Domain 4 - Pengurusan dan Kawalan Kelas	10							0
Domain 5 - Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Penyampian P&P	15							0

**BAHAGIAN D : TINDAKAN PENAMBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (CQI)**

*Tindakan-tindakan atau amalan baik yang berjaya dilaksanakan di politeknik bagi menambahbaik kualiti P&P pensyarah yang memberi impak besar dan boleh dikongsi bersama politeknik lain.*

DOMAIN	TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (CQI) <i>Sila buat lampiran sekira ruang tidak mencukupi</i>
Domain 1 - Perancangan Pengajaran & Pembelajaran	
Domain 2 - Instruksional	
Domain 3 - Kompetensi & Profesionalisma Pensyarah	
Domain 4 - Pengurusan dan Kawalan Kelas	
Domain 5 - Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Penyampian P&P	



**BAHAGIAN E : ISU/CABARAN DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

*Isu/cabaran kritikal berhubung dengan pelaksanaan P&P yang memerlukan perhatian Jabatan Pengajian Politeknik.*

DOMAIN	ISU/CABARAN DAN CADANGAN PENYELESAIAN <i>Sila buat lampiran sekira ruang tidak mencukupi</i>	
	ISU/CABARAN	CADANGAN PENYELESAIAN
Domain 1 - Perancangan Pengajaran & Pembelajaran		
Domain 2 - Instruksional		
Domain 3 - Kompetensi & Profesionalisma Pensyarah		
Domain 4 - Pengurusan dan Kawalan Kelas		
Domain 5 - Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Penyampian P&P		

Disediakan oleh :

Nama :  
Jawatan :  
E-mail :

Disahkan oleh :

Nama :  
Jawatan :  
E-mail :

Nota :

- 1 Pegawai yang mengesahkan laporan ini terdiri daripada Pengarah atau Timbalan Pengarah Akademik/Timbalan Pengarah Politeknik.
- 2 Dapatan ini perlu dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Politeknik, dan dikemukakan ke Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital pada penghujung bulan JUN dan DISEMBER setiap tahun.